

KAJIAN MASALAH SISTEM LALUAN SIKAL
KAJIAN KES: LALUAN SIKAL
LEBUHRAYA PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR-KLANG

Oleh :

AMINNUDDIN BIN ZAKARIA

Kajian ini disediakan bagi memenuhi
sebahagian syarat untuk Penganugerahan
Diploma Perancangan Bandar Dan wilayah

Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Kajian Senibina, Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara

Shah Alam

Selangor

April 1996

Penghargaan

Alhamdulillah bersyukur kehadiran atas limpah kurniaNya maka dapatlah kajian ini disiapkan dalam tempoh jangkamasa yang diberikan walaupun berbagai masalah dan rintangan timbul namun dapat diatasi. Pada kesempatan ini penulis ingim merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada ibu dan bapa atas dorongan dan bantuan dalam menyediakan kajian akhir ini.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada pensyarah Encik Ibrahim bin Katob selaku penyelia penulis, atas tunjuk ajar serta bimbingan dan nasihat beliau sepanjang tempoh proses menyiapkan kajian akhir ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah yang telah memberi dorongan samada secara langsung ataupun tidak langsung. Kepada kakitangan Jabatan Perancang Bandar dan Desa Negeri Selangor, Kakitangan Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor, Pegawai Perhubungan Awam Polis Di Raja Malaysia (caw trafik), Pegawai Pelesenan Jabatan Pengangkutan Jalan, Pustakawan Perpustakaan Tun Abdul Razak 1 dan 2, I.T.M dan Perpustakaan Negeri

Abstrak

Pembangunan dan perhubungan adalah dua perkara yang saling bergantung antara satu sama lain. Pada sesetengah pendapat mengatakan sistem perhubungan adalah yang pertama sebelum sesuatu pembangunan dapat dijalankan. Namun begitu tanpa pembangunan maka bagaimana mahu mengujudkan sistem perhubungan begitulah sukarnya untuk memperkatakan tentang kedua-dua perkara tersebut.

Walau bagaimanapun kedua-dua perkara ini memang nyata saling berkait antara satu sama lain. Oleh yang demikian dalam konteks pengkajian yang dijalankan pendapat yang pertama adalah lebih menepati kehendak kajian. Sistem perhubungan yang mantap adalah sistem yang menyediakan kemudahan, keselesaan dan keselamatan yang baik bagi memenuhi keperluan pengguna.

Bagi menyediakan keperluan baik ini pihak-pihak yang dipertanggung jawabkan perlu melilibatkan diri secara total dan bersungguh-sungguh. Memandangkan sistem laluan sikal merupakan sistem yang belum diperkenalkan secara menyeluruh khususnya di Malaysia namun penyediaannya di laluan utama Lebuhraya Persekutuan merupakan satu model terbaik untuk pengkajian tentang keberkesanannya sebelum memperluaskan sistem ini keseluruh negara.

Isi Kandungan

Mukasurat

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH	x
SENARAI PELAN/PETA	x
SENARAI GAMBAR FOTO	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
BAHAGIAN 1	.
Pengenalan	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Permasalahan Dan Kepentingan	4
1.3 Tujuan Kajian	5
1.4 Objektif Kajian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Pendekatan Kajian	6
1.7 Metodologi Pendekatan Kajian	8
1.7.1 Merangka Tajuk Dan Menyediakan Sinopsis	8
1.7.2 Menjalankan Kajian Teoritikal Dan Mengumpul Maklumat Sekunder	8
1.7.3 Menjalankan Kajian Tapak	9
1.7.4 Menganalisa Data Dan Membuat Rumusan	9
1.7.5 Menyediakan Kajian Akhir Dan Cadangan	9
1.8 Kaedah Pengumpulan Maklumat	10

BAHAGIAN 1

1.1 Pendahuluan

Pada masa kini kemampuan bergerak dari satu tempat ke satu tempat merupakan satu faktor yang penting dalam kehidupan manusia. Dalam suasana ekonomi yang pesat membangun, pelbagai aktiviti wujud dan ianya memberi peluang kepada penduduk bagi mempertingkatkan lagi taraf kehidupan. Seratus peratus aktiviti-aktiviti yang dijalankan memerlukan seseorang individu itu bergerak.

Oleh yang demikian, dengan teknologi yang canggih pelbagai kemudahan dan alat bagi membantu manusia bergerak dicipta dan diperbaiki setiap hari bagi meningkatkan keupayaan bergerak. Kenderaan-kenderaan moden dengan ciri-ciri yang canggih dan terkini menjadikan sistem pengangkutan bertambah baik mutunya. Bukan hanya kenderaan sahaja malahan sistem perhubungan jalan raya juga telah dipertingkatkan mutunya bagi mewujudkan suatu sistem yang selamat dan selesa kepada pengguna.

Di negara kita Malaysia terdapat tiga jenis sistem pengangkutan yang utama iaitu sistem pengangkutan